



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	1/2/2012



DR MAHATHIR menyampaikan anugerah kepada Profesor Yuan pada majlis penyampaian Anugerah Sains Mahathir 2011 di Kuala Lumpur, malam tadi.

Prof Yuan terima Anugerah Sains Mahathir

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa saintis dari negara beriklim tropika menghasilkan lebih banyak penyelidikan berteknologi tinggi yang berupaya berdaya saing untuk semua iklim dunia.

Bekas Perdana Menteri berkata, saranan itu berikutan banyak hasil kajian dilakukan saintis dunia tidak boleh digunakan untuk semua keadaan, khususnya di negara yang beriklim sederhana dan panas.

Sehubungan itu, katanya, usaha perlu dilakukan khususnya penyelidikan tempatan bagi menembusi pa-

saran luar negara, sekali gus untuk manfaat rakyat.

"Saya yakin kita mampu melakukannya, tambahan pula hadiah anugerah ini kini dinaikkan kepada RM600,000 berbanding RM100,000 pada masa ini.

"Sekarang kita kena pastikan apa yang kita hasilkan di sini berupaya berdaya tahan di seluruh dunia.

"Kereta PROTON yang kita dihasilkan juga berjaya diuji di negara sejuk seperti Sweden, tapi tidak kereta teknologi hibrid dari United Kingdom yang tidak berfungsi dengan baik apabila diuji di

sini kerana faktor cuaca panas dan kering," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Sains Mahathir 2011 di sini malam tadi.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili dan Pengerusi Yayasan Anugerah Sains Mahathir, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan anugerah berkenaan bagi kategori pertanian tropika kepada saintis terkemuka dari China atau lebih dikenali sebagai 'Bapa Beras Hibrid', Prof Yuan Long Ping, 81.